

# MEMARTABATKAN BAHASA MELALUI GDBK

**DALAM usaha untuk mencapai status sebuah negara maju, perpaduan merupakan antara elemen terpenting yang perlu diberikan perhatian selain kepesatan kemajuan negara.**

TANPA perpaduan, keadaan akan menjadi kacau-bilau yang boleh memberikan impak terhadap kestabilan politik dan ekonomi negara. Bahasa merupakan "alat" yang mampu menyatupadukan masyarakat terutamanya masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia.

Kegagalan masyarakat menguasai bahasa kebangsaan mungkin antara penyebab semangat perpaduan semakin terhakis pada hari ini. Masing-masing berlumba-lumba untuk mempertahankan bahasa dan budaya kaum masing-masing sedangkan masyarakat negara ini sewajarnya berkongsi dan berbangga dengan satu bahasa, iaitu bahasa kebangsaan. Oleh sebab itulah, program Gerakan Dekad Bahasa Kebangsaan (GDBK) diraikan setiap tahun di negara ini. Program tahunan ini antara agenda kerajaan untuk memugari rasa cinta dan bangga masyarakat akan bahasa kebangsaan seterusnya meniupkan roh perpaduan dalam kalangan rakyat.

Sebuah negara yang didiami oleh pelbagai kaum dan pernah dijajah melalui konsep pecah dan perintah, proses menyatupadukan masyarakat bukanlah satu proses yang mudah. Tambahan pula, hingga kini negara ini masih mengamalkan sistem pendidikan dua aliran, iaitu sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan.

Begitu pun, pelajar lepasan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia masih gagal menguasai bahasa kebangsaan sedangkan mereka mampu memperoleh A dalam peperiksaan subjek tersebut pada peringkat sekolah. Yang nyata, bahasa Melayu

dipelajari di sekolah sebagai syarat wajib lulus peperiksaan semata-mata dan bukannya kerana cinta dan tanggungjawab sebagai warganegara.

Masyarakat dilihat seolah-olah tidak lagi mengutamakan bahasa kebangsaan dalam kehidupan harian mereka. Mereka mengambil sikap ambil mudah dan lepas tangan akan kepentingan berbahasa kebangsaan. Pemilihan penggunaan bahasa juga sekadar untuk mendapatkan komunikasi yang berkesan tanpa mengambil kira apa-apa pun bahasa yang digunakan. Hal inilah yang menyebabkan penggunaan bahasa Melayu semakin terpinggir serta gagal mewujudkan penyatuan bangsa Malaysia yang utuh sedangkan bahasa kebangsaan dibuktikan sebagai sumber penyatuan nasional di beberapa buah negara, seperti Jerman, Itali dan jiran tetangga kita, Indonesia.

Usaha berterusan perlu giat dilakukan bagi memastikan bahasa kebangsaan kita kekal gah dan hebat pada jiwa bangsanya. GDBK yang disambut pada bulan Oktober sepatutnya disambut dengan penuh kecintaan terhadap bahasa ini. GDBK antara usaha mumi kerajaan Malaysia untuk memartabatkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa ilmu dan bahasa perpaduan di negara ini.

Sebelum itu, Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) digunakan bermula dengan nama Minggu Bahasa Kebangsaan dan BBK sekitar dekad 1960-an sebagai gerakan memartabatkan bahasa kebangsaan. Pada tahun 1999, gerakan ini diubah namanya kepada Bulan Bahasa dan Sastera Negara (BBSN). Gerakan ini kemudiannya ditukar kembali kepada nama asalnya, iaitu BBK. Pada tahun 2018, program ini diubah kepada GDBK.

Usaha dan pelaksanaan memartabatkan bahasa kebangsaan di negara ini tidak

seharusnya diserahkan tanggungjawab itu kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) semata-mata termasuklah penganjuran GDBK. Sewajarnya, setiap individu sama-sama menggalas peranan memartabatkan bahasa kebangsaan ini. Penganjuran GDBK ada kalanya langsung tidak disedari dan diketahui masyarakat disebabkan kurangnya liputan publisiti yang diberikan oleh pihak media. Pihak media kebanyakan hanya membuat liputan ketika majlis perasmian atau penutupan GDBK kerana dihadiri oleh menteri, sebaliknya segala aktiviti sepanjang pengisian program tersebut tidak diberikan sebarang liputan.

Tuntasnya, usaha memartabatkan bahasa kebangsaan bukanlah semata-mata ketika sambutan GDBK, tetapi haruslah dilaksanakan sepanjang masa. Bezanya, pada bulan ini, usaha tersebut dilaksanakan secara lebih meluas dan pelbagai program dilaksanakan untuk terus memugar rasa cinta akan bahasa kebangsaan. Semua pihak, terutamanya wakil rakyat dan sektor awam perlu berganding bahu dengan DBP untuk memeriahkan GDBK. Media massa juga diharapkan mampu memberikan liputan yang lebih meluas tentang sambutan ini selain kuasa tular masyarakat pada laman media sosial untuk sama-sama menggerakkan GDBK.

Kelangsungan bahasa kebangsaan sebenarnya banyak bergantung pada warganya sebagai kumpulan pendesak kepada pihak berwajib agar tidak mengabaikan kedudukan bahasa

Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Ayuh, bangsa Malaysia buktikan rasa cinta terhadap bahasa kebangsaan kita kerana Bahasa Jiwa Bangsa! **PB**

